

11 JAN 1999

PELANTIKAN ABDULLAH BANTU UMNO HADAPI PILIHAN RAYA SABAH

KOTA KINABALU, 11 Jan (Bernama) -- Umno Sabah hari ini mmenyambut baik pelantikan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Timbalan Perdana Menteri seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Jumaat lepas dan menganggap pelantikan itu mampu memperkukuhkan persediaan Sabah menghadapi pilihan raya negeri.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam berkata, pengumuman Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu juga menunjukkan keikhlasan beliau dalam meletakkan kepentingan parti melebihi kepentingan-kepentingan lain.

"Umno Sabah akan memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Abdullah dan kita yakin pelantikan beliau itu dapat membantu memperkuat lagi persediaan Umno Sabah dalam menghadapi pilihan raya negeri," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat badan perhubungan itu di sini.

Beliau juga menggesa masyarakat Islam di negeri ini agar terus memberi sokongan kepada Umno dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya negeri akan datang dan tidak terpengaruh dengan dakwah golongan tertentu yang hanya memperjuangkan kepentingan sendiri.

"Saya yakin masyarakat Islam di Sabah sudah matang dan dewasa dan tidak akan menggadaikan masa depan mereka," kata Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Negeri.

Menurut beliau, kerajaan negeri BN berjaya mewujudkan suasana stabil di Sabah yang merupakan satu pencapaian membanggakan melebihi kejayaan dalam membawa pembangunan fizikal di negeri ini.

-- BERNAMA

NT PR